

Khairy tak perlu undur

Pelbagai peringkat Umno desak usah tunduk walaupun difitnah

Oleh Ridzuan Yop, Ahmad Naim Tahir, Wan Hazmir Bakar, Norfatimah Ahmad, Jalal Ali Abdul Rahim, Junita Mat Rasid, Tuan Nazuri Tuan Ismail, Mohd Azrone Sarabatin, Wan Faizal Ismayatim, Baharom Bakar dan Nurhayati Abllah

KUALA LUMPUR: Pelbagai peringkat kepemimpinan Umno semalam menganggap hasrat Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin meletak jawatan bukan penyelesaian terbaik untuk menyangkal fitnah terhadapnya.

Sebaliknya, mereka menasihatkan Khairy bersikap rasional dan membuat pertimbangan teliti dengan mengutamakan kepentingan parti sebelum membuat sebarang keputusan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Khairy perlu berfikir panjang kerana peletakan jawatan tidak semestinya menyelesaikan masalah, sebaliknya mencipta masalah baru dalam Pemuda Umno dan memberi kesan kepada parti.

"Soal nak letak jawatan itu hak dia tapi dia kena juga fikir panjang pro dan kontra. Mungkin lebih banyak kontranya. Jika dia boleh jelas (dakwaan) dan orang terima, mungkin boleh selesai masalah dan dia boleh terus memegang jawatan," katanya.

Kelmarin, Khairy menyatakan kesediaan berundur daripada/memegang jawatan parti jika dia dianggap


liabiliti kepada parti. Bagaimanapun, jika ahli berasa beliau boleh membantu ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menjalankan tugas beliau akan terus berjuang bersama barisan Pemuda.

Muhyiddin berkata, sebagai orang muda dan memegang jawatan penting, Khairy mesti berani mempertahankan diri serta menjawab serta memberi penjelasan fitnah terhadapnya atau isu lain yang dikaitkan dengan namanya.

"Orang terima atau tidak, itu soal mereka tetapi saya fikir ia sikap yang baik kerana kita tak mahu ia membebankan Perdana Menteri Kerana ada yang mengaitkan antara kedua-duanya," katanya.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, menantunya itu tidak perlu menyandang jawatan Naib Ketua Pemuda Umno jika perwakilan parti sendiri tidak mahu-kannya.

"Kalau orang tak mahu pada dia, tunggu apa lagi. Betul tak? Orang tak mahu dah...tentulah kalau orang tak mahu, dia tak pegang jawatan



SEDIH DIFITNAH: Khairy mengesat air mata ketika berucap pada Persidangan Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Klang, semalam.

Pemimpin Pemuda beri sokongan padu

DARI MUKA 1

berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Liga Sukan Komuniti 2006 di Padang Semarak Angkasapuri di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, Khairy dipilih ahli pergerakan itu dan tindakan untuk mengundurkan diri juga perlu mendapat maklum balas daripada peringkat akar umbi parti.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata hanya Persidangan Pemuda Umno berhak menurunkan Khairy daripada jawatan itu.

"Kita kena ingat Khairy jadi Naib Ketua bukan dia sendiri pilih, bukan Perdana Menteri pilih tetapi Pemuda pilih. Kalau Pemuda pilih kerana dia menantu Perdana Menteri, itu hak Pemuda. Kalau Pemuda nak Khairy, kita tidak boleh halang," katanya.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Datuk Abdul Rahman Dahlan dengan nada tegas memberi amaran kepada pihak luar supaya tidak masuk campur dalam urusan pergerakan itu.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Azimi Daim pula meminta Khairy tidak tunduk kepada pihak yang berniat jahat menabur fitnah dengan meletak jawatan.

Exco Pemuda Umno, Reezal Merican Naina Merican, pula berkata fitnah itu memberi kesan kepada imej Pemuda dan memuji keberanian Khairy memberikan penjelasan kerana beliau tidak bersalah.

"Khairy sudah memberi penjelasannya dan dia sanggup meletak jawatan jika betul tuduhan itu. Beliau berpendirian terbuka dan itu membuktikan bahawa beliau berani kerana benar.

"Takkan Khairy dikorbankan hanya kerana fitnah. Hari ini orang mengenakan Khairy dan mungkin esok orang lain pula yang akan menjadi mangsa," katanya.

Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Norza Zakaria pula menggesa pihak yang melemparkan pelbagai tuduhan memberhentikan mereka serta-merta kerana ia umpama menyerang dan memperlekehkan institusi Pemuda Umno sendiri.

Di **IPOH**, Ketua Pemuda Umno Perak, Zainol Fadzi Paharudin, mahu Khairy terus memimpin pergerakan itu di sebalik pelbagai tohmahan dilemparkan.

"Melepaskan jawatan bukan tindakan tepat dan kita berharap Khairy terus cecal serta tabah menghadapi sepaik terajang dalam dunia politik.

Di **SEREMBAN**, Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Datuk Jamalus Aziz, berkata Khairy tidak perlu berundur hanya kerana tohmahan, sebaliknya diterima sebagai asam garam politik.

"Beliau dipilih dan mendapat mandat ahli Pemuda Umno seluruh negara dan jika ada sebarang perubahan pun, biarlah ahli membuat keputusan pada pemilihan akan datang," katanya.

Di **KANGAR**, Pemuda Umno Perlis mahu Khairy tidak lagi menimbulkan hasratnya untuk meletak jawatan walaupun pelbagai fitnah dan tohmahan dilemparkan.

Ketuanya, Rozabil Abdul Rahman, berkata ahli pergerakan itu tidak pernah berasakan Khairy adalah liabi-

liti kepada parti, sebaliknya aset penting parti.

Di **KOTA BHARU**, Pemuda Umno Kelantan meminta Khairy terus memimpin pergerakan itu bersama Hishammuddin demi kepentingan Melaju.

Ketua Pemuda Umno negeri, Dali Husin, berkata pemimpin nombor dua pergerakan itu yang dikaitkan dengan pelbagai spekulasi termasuk berkahwin dengan pelakbn Maya Karin bukan liabiliti kepada parti.

Di **KUALA TERENGGANU**, Pemuda Umno negeri juga mahu Khairy terus menjawat jawatan dan tidak gentar menghadapi tohmahan oleh pihak yang ingin menggugat keutuhan parti.

Ketua Pemudaanya, Mohd Sabri Alwi, berkata ahli pergerakan itu tetap yakin terhadap kepimpinan Khairy dan menyokong setiap usaha bagi menjawab tohmahan tethadapnya.

Di **MUAR**, Ketua Pemuda Johor, Razali Ibrahim, berkata fitnah terhadap Khairy tidak akan berhenti hanya jika beliau berundur daripada memegang jawatan parti.